

4.1 EVOLUSI WELTANSCHAUUNG MELAYU

4.1.1 ANIMISME DAN DINAMISME

Sebelum kedatangan Islām, masyarakat Melayu sudah mempunyai sistem kepercayaan primitif yang dikenali sebagai *animisme* dan *dinamisme*. Ia banyak dipengaruhi oleh suasana 'alam sekeliling bagi masyarakat pada masa itu. Menurut Ibn Khaldun ([Terj.] DBP, 1999: 7-38) dalam buku *Mukaddimah*:

Suasana persekitaran, iklim, udara dan sebagainya mempunyai pengaruh yang besar terhadap perwatakan dan tingkah laku dan pandangan hidup manusia.

Mereka mempercayai bahawa setiap benda mempunyai jiwa, roh atau semangat yang mempunyai perwatakan sendiri sama ada ia membawa kesan baik atau buruk. Dalam pada itu, roh nenek moyang yang dikenali sebagai *hyang*³⁸ yang mempunyai tenaga yang kuat juga boleh mempengaruhi mereka. Justeru itu, timbul kepercayaan bahawa terdapat individu tertentu yang mempunyai perantaraan dengan roh-roh yang *ghāib* itu.

³⁸ Dikenali juga sebagai *poyang* atau *moyang* yang dipercayai masih berada di kalangan mereka.

Menurut Nik Safiah Hj. Abd. Karim (1963: 57) masyarakat zaman ini, mereka hidup berdasarkan kebatinan. Mereka menghormati sesuatu kuasa ghāib yang tidak kelihatan. Oleh sebab itu, bomoh³⁹, pawang atau dukun merupakan orang yang sangat disanjung dan dihormati di kalangan masyarakat Melayu dahulu. Ini kerana mereka mempunyai semangat bātin yang cukup tinggi dan merupakan orang perantaraan dengan benda-benda ghāib tersebut.

Sementara itu, bagi masyarakat ‘Arab Jāhiliyyah orang perantaraan dikenali sebagai *kāhin* (Mahayudin Hj. Yahaya, 2001: 108). Mereka yang menjadi perantara boleh menghubungi ‘hyang’ melalui pembacaan jampi serapah, penyajian dan sebagainya (Azhar Hj. Mat Aros, et al, 2000: 274). Upacara ini diadakan bertujuan untuk pemujaan dan penyembahan bagi menenangkan keadaan atau sebagainya. Namun, sehingga kini masih ada sebilangan kecil masyarakat Melayu Islām mempercayainya. Kedudukan mereka ini dipandang mulia dan disanjung tinggi oleh masyarakat Melayu desa.

Bagi masyarakat Nusantara, kepercayaan *animisme* ini wujūd dalam bentuk kepercayaan kepada penunggu atau puaka, hantu, polong, orang bunian atau pontianak yang menghuni sesuatu daerah atau tempat tertentu (Pengiran Hj. Mohd. bin Pengiran Hj. Abd. Rahman, 1992: 19). Manakala *dynamisme* pula, kepercayaan yang berkaitan dengan kekuasaan sesuatu benda yang berkuasa sama ada baik atau buruk. Ia menjelma dalam bentuk ‘semangat’ seperti semangat padi, semangat puja pantai dan sebagainya yang boleh menentukan masa depan mereka (R.O.Winstedt, 1975: 62-63).

³⁹ Terdapat dua cara bomoh memperolehi ‘ilmu’ iaitu secara menuntut dan secara warisan. Menuntut bermaksud seseorang itu mempelajarinya dari orang lain yang mahir dan berpengalaman mengenai ‘ilmu’ yang ingin dipelajari. Orang yang mahir itu dikenali sebagai Tok Guru. Manakala secara warisan ialah proses memperturunkan ‘ilmu’ dari satu generasi ke satu generasi yang mempunyai pertalian kekeluargaan. Proses ini dilakukan sebelum pemilik asal meninggal dunia.

Menurut pandangan seorang sarjana Barat, Jack Finegan (1952: 12):

In actual observation, however, dynamism and animism so often appear side by side, and indeed are so often inextricably interwoven, that it perhaps safer not to attempt to attribute priority either the one to the other. Without hesitation, however we may state that they are both extremely early and extremely widespread aspects of religion.


Oleh kerana tiada mempunyai suatu pegangan hidup, adalah ini menjadi suatu tabiat kepada mereka untuk mengharapkan perlindungan kepada sesuatu kuasa yang difikirkan dapat melindunginya. Maka, masyarakat Melayu telah menyembah benda-benda yang nampaknya hebat di 'alam ini. Corak penyembahan dan pemujaan yang dilakukan oleh mereka adalah bergantung kepada suasana tempat tinggal dan pekerjaan mereka.

Contohnya, bagi masyarakat petani, mereka menyembah matahari dan bulan yang bertujuan untuk menghidupkan tanaman mereka (Mahayudin Hj. Yahaya, 2001, Op cit: 97). Salah satu cara yang menjadikan mereka berani menghadapi segala bahaya yang mungkin ditimpa oleh penunggu ini ialah dengan menggunakan jampi mantera. Dengan ini, mereka dapat menghalau penunggu, bahaya penyakit dan sebagainya. Ini merupakan satu cara perubatan tradisional yang masyhur pada zaman dahulu (Pengiran Hj. Mohd. bin Pengiran Hj. Abd. Rahman, 1992, Op cit: 19).

4.1.2 HINDU-BUDDHA

Perkataan Hindu berasal daripada nama suatu tempat iaitu Sungai Sindhu (Indus) (N.M.Idaikkadar, 1963: 1). Tarikh bermulanya agama Hindu ini tidak diketahui. Agama Hindu dikenali sebagai *sanatana-dharma*⁴⁰ dan *vaidika dharama*⁴¹. Agama Hindu ialah suatu kepercayaan yang menyiasat serta melakukan pemerhatian berdasarkan ‘aqal dan pengalaman keagamaan. Oleh yang demikian, agama ini menggabungkan teori dan ‘amalan (Ibid: 2). Secara ringkasnya, agama Hindu ini merupakan suatu cara hidup yang mempunyai kebebasan berfikir. Mereka juga bebas untuk membuat pilihan masing-masing.

Kitāb Veda adalah kitāb suci bagi penganut agama Hindu. Ia dianggap abadi dan tidak berubah mengikut peredaran zaman. Terdapat empat buah kitāb Veda seperti yang dijelaskan dalam rajah di bawah:



Rajah 4.1.2 (a) : Kitāb-kitāb Suci Yang Digunakan Oleh Orang Hindu

⁴⁰ *Sanatana-dharma* yang bermaksud agama yang abadi yang tiada permulaan dan tiada kesudahan.

⁴¹ *Vaidika dharama* yang bermaksud agama menurut kitāb-kitāb Veda iaitu kitāb suci bagi Hindu.

Setiap kitāb Veda ini mempunyai koleksi lagu-lagu suci. *Rig Veda* merupakan kitāb yang tertua sekali yang mengandungi 1028 mazmur. *Yajur Veda* merupakan koleksi mantera yang digunakan dalam upacara pemujaan. *Sama Veda* pula mengandungi mazmur-mazmur *Rig Veda* yang mempunyai kod muziknya tersendiri. *Artharva Veda* mengandungi mazmur-mazmur yang terdiri daripada do'a dan mantera bagi tujuan mempertahankan diri daripada penyakit dan kuasa-kuasa jahat. Semua koleksi mantera ini dinyanyikan oleh sekumpulan pendeta yang dikenali sebagai *Artharvan* (Sivachandralingam Sundara Raja, Ayadurai Letchumanan, 2001: 82).

Kitāb-kitāb Veda biasanya dikenali sebagai ‘*Sruti*’. Manakala kitāb-kitāb suci yang lain dikenali sebagai ‘*Smṛti*’. Selain itu, masyarakat Hindu juga mempunyai kitāb-kitāb yang lain seperti kitāb sastera *Itihasas*, *Purana*, *Agama* dan *Darsana*. Kitāb *Itihasas* adalah kitāb yang menceritakan dua buah epik agung iaitu Ramayana dan Mahabharata. Manakala kitāb *Purana* mengandungi cerita-cerita dongeng yang berkaitan dengan falsafah Hindu. Selain itu, kitāb *Agama* pula merujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan ‘ilmu ketuhanan dan upacara-upacara agama Hindu (Ibid: 84)

Mengikut penganut Hindu, Veda-veda itu telah diwahyukan oleh dewa-dewa kepada nabi-nabi mereka di zamān dahulu kala. Oleh yang demikian, penganut agama Hindu wajib memasuki sesuatu kumpulan *kasta* yang percaya kepada veda-veda (Dr. O.K.Rahmat S.H, 1976: 150). Upacara keagamaan Hindu dikenali sebagai upacara agama. Sebahagian besarnya berhubung dengan penyembahan berhala. Upacara ini dilakukan sejak dahulu lagi. Namun begitu, upacara ini semakin lenyap di kalangan masyarakat Hindu kini. Di dalam upacara ini, diterangkan peraturan mengerjakan puasa, menyembah berhala dan mengadakan kenduri.

Bagi masyarakat Hindu, mereka mempercayai bahawa berhala merupakan suatu lambang ketuhanan. Oleh itu, mereka hendaklah menghormati dan menyembah dalam erti kata melakukan ‘ibādat yang suci. Tempat ber‘ibādat mereka ialah di kuil atau di rumah. Berhala-berhala yang digemari oleh mereka ialah *Siva*, *Sakti* dan *Vishnu* (N.M.Idaikkadar,1963, Op cit: 10-11).

Sebenarnya agama Hindu mengandungi doktrin *politeisme* dan *monoteisme* yang samar-samar. Doktrin *politeisme* dan *monotiesme* yang membawa maksud *keesaan wujud*. Menurut doktrin ini, ‘ālam semesta hanya wujūd dalam bentuk khayal sahaja, tetapi tidak wujud di ‘ālam nyata. Hanya Brahman sahaja yang kekal selama-lamanya dan tidak terikat dengan ruang dan masa (Mahayudin Hj. Yahaya, 2001, Op cit: 98). Konsep doktrin Hindu-Buddha ini, menekankan tentang penitisan dewa (*incarnation*) di mana raja ada kaitan dengan dewa. Sehubungan itu, wujūd kepercayaan serta konsep *Devaraja* (Dr. Hj. Abdullah Ishak, 1990: 14). Raja dianggap sebagai jelmaan dewa.


Menurut James L.Peacock (1973: 14):

The king, therefore was a god, 'Siva-Buddha is He, material-immortal by nature', sang the poet of Majapahit of his king. He is surely Ruler over the rulers of the world'. Of Air-Langga it is said that he was an incarnation of Vishnu and also incarnates as Vishnu, and also incarnates as Chiva, an event celebrated by a volcanic eruption at his birth. Ken Angrok, incarnated as Vishnu was also the adopted child of Shiva. To assure that Ken Angrok exuded the divine light and heat of royalty, he was married with a flaming womb.

Mereka menyifatkan raja sebagai bayangan tuhan di muka bumi ini. Oleh sebab itu, rakyat hendaklah menta'ati raja dan menghormatinya. Cara menyembah seorang raja sama dengan cara menyembah berhala-berhala di kuil (N.M.Idakkadhar, 1963, Op cit: 11).

Masyarakat Hindu yang berbilang bangsa ini telah mewujudkan sistem *kasta*. Menurut N.M.Idakaddar, sebenarnya sistem *kasta* ini tidak ada kaitan dengan agama, malahan sistem ini wujud di kalangan masyarakat Hindu. Golongan *Berahmin* terdiri daripada penjaga kebudayaan rohani bangsa itu. Manakala *Kshatriya* menjaga keselamatan dan keamanan adalah terdiri daripada golongan raja dan pahlawan. *Vaisya* terdiri daripada golongan ahli perniagaan. Golongan *Sadra* terdiri daripada petani dan buruh kasar.

Klasifikasi sistem *kasta* ini dapat dilihat seperti rajah yang berikut:



Rajah 4.1.2 (b) : Klasifikasi Sistem Kasta Menurut Agama Hindu

Sebenarnya sistem *kasta* ini mempunyai faedahnya pada zaman dahulu. Dasar utama sistem ini adalah bertujuan untuk pembahagian kerja tetapi lama kelamaan ia menjadi satu peraturan. Namun, kesan daripada aspek-aspek ajaran Hindu seperti sistem *kasta* (lapisan masyarakat) ini telah memisahkan antara golongan raja, bangsawan dan rakyat jelata sehingga menyebabkan pengaruhnya turut menular masuk ke dalam sistem masyarakat Melayu.

Keadaan ini telah mewujudkan sistem *feudal*⁴² yang di‘amalkan dalam sistem penta‘biran kerajaan di ‘Ālam Melayu. Dalam sistem ini, seluruh rakyat telah menjadi hamba kepada golongan bangsawan atau raja yang memerintah bukan sahaja dalam bidang politik malah dalam semua aspek kehidupan. Bahkan ia juga turut mempengaruhi kehidupan masyarakat Melayu (Mahayudin Hj. Yahaya, 2001, Op cit: 109). Menurut S.M.N. al-Attas dalam bukunya *Islām dan Kebudayaan Melayu*, kedatangan agama Hindu tidak merubah pandangan hidup masyarakat Melayu secara mutlak, malah pengaruhnya hanya didominasi oleh golongan bangsawan sahaja.

Pengaruh Hindu terlalu kuat menguasai fikiran penduduk-penduduk tempatan sehingga di peringkat awal kedatangan Islām dan kepercayaan lama yang sudah berakar umbi itu masih sukar untuk dibendung (Pengiran Hj. Mohd. bin Pengiran Hj. Abd. Rahman, 1992, Op cit: 18).

Sementara itu, agama Buddha terbahagi aliran besarnya kepada dua bahagian iaitu Buddha-Hinayana dan Buddha-Mahayana. Sebenarnya, agama Buddha adalah bertujuan untuk melenyapkan *karma*⁴³ dan mencapai kebebasan mutlak dalam lingkungan kelahiran semula (*samsara*) bagi mencapai kesucian agama (Abd. Rahman Hj. Abdullah, 1990: 11). Dalam hal ini, pengaruh agama Buddha kurang menonjol dan tidak mendapat perhatian berbanding dengan agama Hindu.

⁴² *Feudal* bermaksud sistem kemasyarakatan yang dikuasai oleh kaum bangsawan (Kamus Dewan, 1993, Edisi Baru: 323).

⁴³ *Karma* ialah balasan duniaawi terhadap ‘amalan yang baik.

4.1.3 ISLĀM

Kedatangan Islām telah membawa sinar baru kepada seluruh masyarakat Melayu. Islām telah membawa bentuk kepercayaan dan corak hidup serta pandangan *worldview* Islam kepada masyarakat Melayu. Kepercayaan kepada dewa dan *animisme* telah bertukar kepada kepercayaan kepada Allāh Yang Maha Esa dan RasulNya. Rentetan daripada itu, masyarakat Melayu mula menyedari bahawa seluruh kehidupan mereka harus berpusat kepada manusia (*Man centered*) dan juga kepada Tuhan (*God centered*) serta menyakini bahawa Allāh s.w.t. Yang Maha Berkuasa. Oleh itu, pandangan *weltanschauung* Melayu telah dibentuk berdasarkan *habl minā l-Lah* (berhubung kepada Allāh) dan *habl mina n-nās* (berhubung kepada manusia).

Berdasarkan āyat al-Qur’ān:

Mengapakah mereka mencari agama selain daripada agama Allāh? Sedangkan apa di langit dan di bumi patuh kepadaNya, sukarela atau terpaksa dan kepadaNya mereka akan dikembalikan (Terj., Sūrah Al-Imrān: 83).

Berdasarkan āyat di atas, Al-Syahīd Sayyid Qutb (1978: 12) menyatakan bahawa kedatangan Islām adalah bertujuan untuk menghapuskan semua bentuk perhambaan yang dicipta oleh manusia dan menyerahkan segala bentuk pengabdian sepenuhnya hanya kepada Allāh s.w.t.

Islām telah membawa semangat rasionalisme dan intelektualisme bagi seluruh masyarakat Melayu Islām. Hal ini banyak dijelaskan dalam falsafah dan metafizika Islām. Jika dahulu penulisan mereka lebih berkisar kepada cerita mitos dan dongeng

yang hanya berdasarkan khayalan semata-mata, namun kini mereka lebih cenderung ke arah penulisan dan penafsiran ‘ilmu sejarah dan tasawwuf yang berbentuk penghayatan Islām sahaja (S. M. N. al-Attas, 1999, Op cit: 20).

4.2 UNSUR-UNSUR IDEOLOGI ANIMISME, DINAMISME DAN HINDU-BUDDHA

4.2.1 IDEOLOGI MENURUT ANIMISME DAN DINAMISME

Sejak dahulu lagi, masyarakat Melayu cukup berpegang kuat kepada kepercayaan dan ‘adat. Oleh itu, jiwa mereka cukup serasi dengan suasana ‘alam sekeliling. Mengikut kepercayaan mereka, *animisme* ini mempunyai suatu kuasa yang luar biasa yang dipegang oleh orang-orang yang dikenali sebagai *super power* seperti raja-raja, golongan bangsawan dan sebagainya. Mereka percaya bahawa setiap benda mempunyai kuasa, roh dan semangat untuk melakukan sesuatu perkara.

Oleh yang demikian wujūd kepercayaan kuno atau *folk belief* kepada makhluk-makhluk halus yang dikenali sebagai hantu. Pelbagai jenis hantu wujūd di kalangan masyarakat Melayu. Antara jenis-jenis hantu ialah pelesit, polong, hantu raya, langsuir, hantu kubur, hantu bungkus, hantu paku, hantu laut dan sebagainya. Mengikut kepercayaan orang Melayu, hantu di anggap sebagai jelmaan daripada semangat jahat (Asmad, 1990: 105). Contohnya, kepercayaan kepada hantu laut telah mewujudkan upacara puja pantai. Ia dilakukan bertujuan untuk menghalau hantu laut demi untuk kesejahteraan dan keselamatan pelaut-pelaut menangkap ikan. Lama kelamaan, ia menjadi upacara bersuka ria tanpa dikaitkan dengan kepercayaan kepada *semangat* hantu laut (Ibid).

Manakala bagi perempuan yang baru bersalin, mereka mempercayai bahawa dengan meletakkan benda-benda yang berduri seperti duri limau, duri rotan dan sebagainya di

bawah rumah atau di permukaan pintu rumah boleh menghindarkan daripada gangguan hantu-hantu.

Lazimnya, *semangat* ini wujud di tempat-tempat tertentu seperti di gunung, bukit, rimbunan pokok-pokok besar, di kuala sungai, di rumah-rumah yang ditinggalkan dan sebagainya. Pada bahagian rumah seperti tiang seri, bilik utama dan perkakas-perkakas rumah juga dipercayai ada *semangat* yang menjaga tempat-tempat tersebut.

Di samping itu, *semangat* juga dipercayai ada pada manusia, haiwan dan pokok. Contohnya, apabila seseorang itu terperanjat atau terkejut, mereka sering menyebut kalimat *hilang semangat*. Dalam hubungan ini, bomoh merupakan orang yang dapat memulihkan kembali *semangat* tersebut dengan memberi minuman air untuk memulihkan keadaan si pesakit (Mohd. Taib Osman, 1989: 79). Sebenarnya ‘amalan ini mempunyai maklud yang baik untuk kehidupan mereka.

Selain itu, wujud kepercayaan lain seperti *mambang*. Pada waktu senja, orang-orang tua melarang anak-anak kecil bermain di luar rumah sekiranya kelihatan cahaya kuning di langit kerana dipercayai bahawa awan kuning itu jelmaan daripada hantu mambang dan boleh membawa penyakit yang berbahaya.

Bagi mengelakkan hantu-hantu ini mengganggu manusia, penjadanya akan memberi makan atau jamuan kepada *semangat* tersebut. Lazimnya bahan-bahan makanan yang diberi diperbuat daripada beras pulut yang dimasak dan dinamakan nasi kunyit atau dipanggil *nasi semangat*, sementara telor dibuat sebagai tangkai dan dicocok pada nasi. Nasi kunyit ini dijampi dahulu sebelum dipersembahkan kepada *semangat* atau dimakan

oleh sanak saudara. Dalam erti kata lain, ia sebagai kenduri kesyukuran atau do'a selamat.

Bagi mengelakkan daripada diganggu oleh semangat atau hantu, mereka akan memakai tangkal dan melakukan jampi atau mantera. Kebiasaan *tangkal*⁴⁴ atau '*azīmat*'⁴⁵ dijampi oleh bomoh yang mahir dalam bidang tersebut. Begitu juga ḥāl yang berkaitan dengan jampi atau mantera. Contohnya, dicatatkan sebuah jampi mengubati penyakit bisa yang dipanggil Tawar Bisa:

*Hong! Tawar maha tawar,
Tawar seratus sembilan puluh.
Bukan aku empunya tawar,
Datuk Maengkudum Putih yang empunya tawar.
Turun tawar daripada geruda yang putih,
Turun tawar daripada gajah yang putih.
Turun tawar daripada batu yang putih,
Turun tawar daripada darah yang putih,
Turun tawar daripada tulang yang putih,
Turun tawar daripada hati yang putih.
Air laut aku tawar,
Jika bias minta tawar,
Jika nyala minta padam.*
(Asmad, 1990: 109)

⁴⁴ Masyarakat Melayu menggunakan istilah tangkal yang bertujuan untuk mengusir roh jahat atau untuk mendapatkan kekuatan sihir bagi orang yang memakainya. Batu halilintar, batu-batu bezoor dan alat-alat besi digunakan sebagai tangkal yang dipercayai banyak mengandungi semangat (Mohd. Taib Osman, 1983: 130).

⁴⁵ 'Azīmat berasal daripada bahasa 'Arab, juga membawa makna yang seerti dengan tangkal. Namun, kebiasaan 'azīmat banyak menggunakan ayat-ayat al-Qur'an sebagai jampi.

Selain itu, jampi juga digunakan untuk kepentingan seseorang seperti untuk menaikkan seri wajah. Contohnya :

*Pucuk selasih daun selasih
Tanam selasih atas batu
Guru mana, ruang batu
Terlalu kasih,
Tunduk sayang
Sayang juga kepada aku
Seratus sembilan puluh sembilan
Kau tentang, kau pandang
Tidak sama dengan aku seorang
Seperti cahaya bulan lima belas hari*
(Abon dipetik dalam Roland Werner, 1986: 27).

Contoh seterusnya, ialah apabila terjumpa binatang buas di suatu tempat dan ditakuti binatang itu tahu akan kewujudan kita, maka binatang-binatang buas ini dipanggil dengan nama timbangan seperti harimau disebut sebagai Pak Belang dan Tikus disebut sebagai Si Cantik Manis. Jikalau melalui suatu tempat yang dipercayai ada penunggunya iaitu hantu atau sebagainya, hendaklah meminta izin untuk lalu daripadanya terlebih dahulu dengan menyebut seperti, “*Tabik datuk, anak cucu tumpang lalu*” (Asmad, 1990, Op cit: 103).

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam kehidupan masyarakat Melayu, kepercayaan tradisional memainkan peranan cukup penting sebagai satu *cultural baggage* atau khazanah budaya yang diwarisi nenek moyang yang bertunjangkan budaya Melayu sejak berkurun lamanya. Namun, sehingga kini corak dan watak yang ada sekarang adalah pelbagai yang telah ditentukan oleh pelbagai faktor sejarah (Mohd. Taib Osman, 1984: 106).

4.2.2 IDEOLOGI MENURUT HINDU-BUDDHA

Berdasarkan kepercayaan masyarakat Hindu, terdapat beberapa jenis kepercayaan yang dipegang oleh mereka. Antaranya ialah kelahiran semula atau *samsara*⁴⁶, *karma*⁴⁷ dan *Moksha*⁴⁸ (Nik Safiah Hj. Abd. Karim, et al, 1963, Op cit: 66-67). Sebahagian besar unsur mitos dan lagenda dalam *Sejarah Melayu* mempunyai kaitan dengan tradisi mitos India yang mempunyai pengaruh yang besar di 'Ālam Melayu. Antaranya ialah kepercayaan terhadap lembu atau sapi. Masyarakat Hindu amat pantang memakan daging lembu. Mereka tidak memakan daging tersebut bukan kerana menganggap ia sebagai kotor atau ḥarām. Bahkan, mereka sangat menghormati lembu (Drs. Ketut Wiana, 1993: 1-2). Unsur ini dengan jelas digambarkan dalam *Sejarah Melayu*, di mana lembu yang ditunggangi oleh tiga orang anak raja keluar dari dalam laut, lalu mengeluarkan buih lalu terpancar seorang manusia bernama *Batala* (Bat) iaitu tokoh membaca ciri dalam kebudayaan Hindu.

Lembu juga membawa satu simbol tertentu bagi masyarakat Hindu terutamanya lembu berwarna putih yang dianggap sebagai lambang kesucian. Lembu putih dipercayai menjadi tunggangan dewa-dewa agama Hindu. Lembu ini digunakan oleh anak raja Suran iaitu *Krishna Pendita*, *Nila Utama* dan *Nila Pahlawan* semasa tiba di Bukit Seguntang dahulu (Muhammad Yusoff Hashim dan Abd. Rahman Kaeh, 1994, Op cit: 81).

⁴⁶ *Samsara* juga disebut sebagai *Sangsara*, mereka percaya bahawa manusia hidup berkali-kali di atas dunia. Oleh sebab itu ia juga dikenali sebagai kelahiran semula yang bermaksud perpindahan jiwa dari suatu kehidupan ke penghidupan yang lain.

⁴⁷ Menurut istilah teknikal *karma* bermaksud perbuatan atau tingkah laku sama ada baik atau buruk. Oleh itu, ia bermaksud kepercayaan bahawa hidup seseorang itu adalah mengikut hidup sebelumnya (S. A. Nigosian, 1978: 119-120).

⁴⁸ Merupakan peringkat atas untuk memperolehi kesucian dengan bertapa seorang diri dan mendapat kerelaan dari dewa-dewanya. Dalam perkara ini, mereka hendaklah membersihkan diri dan hati mereka daripada perbuatan-perbuatan jahat.

Wujudnya watak-watak dewa dalam hikāyat Hindu seperti *Sang Sapurba*, *Taram Sriteribuana*, *Sang Meniaka* dan *Sang Nila Utama* semuanya berdasarkan kepercayaan Hindu pada sistem spiritual. *Sang Sapurba* berasal dari nama *Suprabha* dalam agama Hindu. *Sang Meniaka* berasal daripada nama *Menaka* dan *Sang Nila Utama* berpunca daripada *Tilotamma*. Menurut kepercayaan suci Hindu, ketiga-tiga tokoh ini merupakan bidadari yang terdapat di syurga (Ibid: 80).

Penggunaan unsur-unsur seperti *buluh betung*, *buih* dan *mayang* merupakan unsur-unsur penjelmaan semula daripada dewa-dewa Hindu (*reincarnation*) yang sering terdapat di dalam kitāb-kitāb suci sastera Hindu tersebut (Ibid: 81). Selain itu, emas dan perak juga dipercayai unsur Hindu. Unsur ini terdapat dalam kisah padi yang mengeluarkan warna emas dan berbatangkan perak yang menjadi kebanggaan pengikut agama Hindu. Unsur mitos ini menggambarkan konsep *Lokesvara*⁴⁹. Keseluruhan unsur mitos dan lagenda ini menggambarkan keagungan, kebesaran dan kemuliaan kuasa raja yang istimewa.

Menurut kepercayaan masyarakat Hindu, *mantera*⁵⁰ digunakan untuk mengubati orang sakit, menghalau semangat penyakit, melemahkan musuh dan sebagainya. Selain itu, *Main Puteri* juga merupakan salah satu cara untuk mengubati seseorang yang berpenyakit dalaman. Unsur-unsur kepercayaan Hindu banyak terdapat dalam proses perubatan ini. Antaranya, benang mentah, beras kunyit, pisang lemak manis, air wangi pancawali dan sebagainya. Peralatan ini bertujuan untuk memanggil atau menghalau makhluk halus yang berada di sekitar roh atau tubuh badan pesakit. Oleh sebab itu,

⁴⁹ *Lokesvara* bermaksud raja segala 'alam yang menunjukkan gabungan Deva Siva dan Bodhisattva (M. Rajantheran, 1999: 145).

⁵⁰ *Mantera* berasal dari bahasa Sanskrit yang bermaksud jampi. Ia banyak menggunakan unsur-unsur yang berkaitan dengan pujaan dewa-dewa Hindu mereka (Mohd. Taib Osman, 1989: 90).

kepercayaan kepada kuasa luar biasa ini banyak mempengaruhi masyarakat Melayu tradisional (Mohd. Ghazali Abdullah dalam *Dewan Budaya*, 2000: 36-37).

Menurut kepercayaan Hindu-Buddha, terdapat tiga dimensi pemujaan Hindu. Antaranya, untuk mendapatkan hubungan harmoni antara manusia dengan ‘ālam, manusia dengan manusia dan manusia dengan Tuhan Yang Maha Esa atau *Ida Sang Hyang Widhi Wasa* (Drs. Ketut Wiana, 1993, Op cit: 2).

4.3 KLASIFIKASI INTERAKSI ANTARA AGAMA

Masyarakat Islām di ‘Ālam Melayu telah mengalami satu proses interaksi yang begitu hebat dan berjaya mengasimilasikan budaya-budaya lain ke dalam persekitaran hidup masyarakat Melayu Islām di ‘Ālam Melayu. Dalam hāl ini, keadaan berlaku ini cukup menarik sekali untuk dibincangkan memandangkan interaksi ini berlaku dalam suasana aman dan damai tanpa mencetuskan pergaduhan.

4.3.1 INTERAKSI ANTARA AGAMA

Dahulu masyarakat Melayu mempercayai *animisme* adanya roh, semangat yang boleh mempengaruhi kehidupan mereka sama ada baik atau buruk. Kemudian, selepas kedatangan agama Hindu-Buddha mereka pula mempercayai kewujudan dewa-dewa seperti *Siva*, *Vishnu*, *Yama*, *Indra*, *Chandra* dan *Durga*. Oleh itu, mereka perlu menghormati dan memuja semangat atau roh supaya kehidupan mereka selamat. Tetapi kedatangan Islām telah membawa sinar baru bagi kehidupan masyarakat Melayu dengan

beriman kepada Tuhan Yang Maha Esa. Kedatangan Islām telah membawa konsep mentāwhīdkan kepada Allāh s.w.t. yang mencakupi tāwhīd *Rubūbiyyah*⁵¹ dan tawhīd *Ulūhiyyah*⁵². Sesungguhnya Islām telah membimbing umat Melayu meninggalkan budaya taḥayul pra-Islām ke arah menuju peradaban baru yang bersifat ‘ilmīyyah dan ‘aqīyyah (Dr. Siddiq Fadil, 1992: 54). Dari segi kepercayaan, sudah terdapat tasawwuf dan pemikiran agama yang bukan lagi berdasarkan ketakutan dan keta’suban kepada kuasa-kuasa ghāib dan magis tetapi melalui kekudusan dan ketinggian agama yang berpandukan al-Qur’ān dan Hadīth (Prof. Mohd. Taib Osman, 1984: 244).

Walaupun, agama Islām dinyatakan sebagai agama rasmi bagi kebanyakan negara-negara di Kepulauan Melayu, namun ia tidak bermakna yang agama-agama lain tidak boleh berkembang di ‘Ālam Melayu. Contohnya, agama Hindu, Buddha, Kristian dan lain-lain turut berkembang pesat di ‘Ālam Melayu.

Pengaruh agama Hindu-Buddha ke atas ‘Ālam Melayu cukup besar malah ia diterima dengan baik oleh masyarakat Melayu sehingga ia dapat mewujudkan *sinkretisme*⁵³. Pengaruh agama Hindu-Buddha dapat dilihat melalui beberapa bukti yang jelas. Terdapat pelbagai bentuk gambaran ḥāṣil daripada kesan kedatangan Hindu-Buddha ke ‘Ālam Melayu. Antaranya, *Batu Bersurat Buddhagupta*⁵⁴. Ia menggunakan tulisan *Palava*, bahasa Sanskrit dan berunsur agama Buddha kerana terdapat ukiran *stupa*. Tulisan ini dijelaskan seperti di bawah, dan kemudian diterjemahkan:

⁵¹ *Rubūbiyyah* yang mengesakan Allāh sebagai penguasa yang mutlak terhadap ‘Ālam ini, sumber hukum dan sebagainya.

⁵² *Ulūhiyyah* iaitu mengesakan hanya kepada Allāh s.w.t. tempat tumpuan ketundukkan Mutlak, peng‘abdian, permintaan dan do‘ā (Rasid Muhamad, 1993: 27).

⁵³ Menggabungkan unsur-unsur kepercayaan semua agama menjadi satu pandangan hidup tidak kira baik atau buruk (Rachmat Subagya, 1981: 84).


⁵⁴ Lihat lampiran 4.3.1 (a) yang menunjukkan Batu Bersurat Buddhagupta yang mengandungi tulisan Palava.

Ajnamac=ciyate karma, janmanah karma karana [m] jnanan=na ciyate [karma.karma mabhavan=na jayate]. Mahanavika Buddha guptasya raktamrittikavas [taryssys?]. Sarvvena prakarena sarvvasmin sarvatha sa[r]wa....Siddhayat[r]a[h]Santu.

Terjemahan:

Melalui kejahilan, *karma* akan bertambah. Punca kelahiran ialah *karma*. Melalui pengetahuan *karma* akan bertambah. Melalui ketiadaan *karma*, seseorang tidak dapat dilahirkan semula (Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok).

Ukiran *stupa*⁵⁵ ini, terletak di permukaan *Batu Bersurat Buddhagupta* seperti yang dilakarkan di bawah:



Rajah 4.3.1 (a) : Klasifikasi *Stupa* yang terdapat pada Batu Bersurat Buddhagupta.

⁵⁵ *Stupa* ialah tempat untuk menyimpan benda-benda suci milik Buddha dan orang yang dianggap suci dalam agama Buddha.

Selain itu, terdapat juga kesan-kesan lain seperti *candi-candi*⁵⁶, *Somasutra*⁵⁷ yang digunakan oleh masyarakat Hindu-Buddha yang didapati di Lembah Bujang, Merbok, Kedah Dār al-Amān. Antaranya *Candi Batu Pahat*⁵⁸ dan *Candi Bendang Dalam*⁵⁹. Di samping itu, terdapat juga pelbagai bentuk hāṣīl peninggalan Hindu-Buddha seperti tempat mengisi air, alat mengisar tepung, gelang batu⁶⁰ dan *Somasutra*⁶¹ yang digunakan oleh masyarakat Hindu-Buddha pada zaman dahulu (Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah Dār al Amān).

Walau bagaimanapun, menurut S.M.N al-Attas, pengaruh agama Hindu-Buddha terhadap masyarakat Melayu hanya sebagai lapisan luaran sahaja dalam struktur masyarakat. Agama ini hanya dipertahankan oleh golongan istana iaitu raja-raja dan bangsawan sahaja, sedangkan rakyat hanya mengambil sikap tidak berapa peduli dan hanya memikul tanggungjawab ‘ibādaṭ serta mengamalkan ajaran-ajaran kepercayaan yang dipengaruhi oleh raja-raja. Oleh sebab itu, Van Leur menyatakan masyarakat Melayu keseluruhannya bukan masyarakat Hindu, hanya golongan raja-raja dan bangsawan sahaja yang menganutinya bersungguh-sungguh demi untuk mengekalkan jawatan mereka masing-masing (S. M. N. al-Attas, 1999, Op cit: 12).

⁵⁶ Perkataan candi berasal daripada *candika* iaitu salah satu nama isteri *Dewa Siva* yang dikenali sebagai *Dewi Durga* atau *Dewi Kematian*. Candi berfungsi sebagai tempat untuk memuliakan pembesar atau raja yang telah mati dan tempat menjalankan upacara keagamaan (Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Merbok, Kedah Dār al-Amān).

⁵⁷ Dalam bahasa Sanskrit, *Soma* bererti air minuman untuk perselebran pada dewa dan *Sutra* bererti satu rangkaian yang bersambung-sambung seperti tasbih (Ibid).

⁵⁸ Lihat lampiran 4.3.1(b) yang menunjukkan Candi Batu Pahat hāṣīl peninggalan pengaruh Hindu-Buddha di Lembah Bujang, Merbok Kedah Dār al-Amān.

⁵⁹ Lihat lampiran 4.3.1(c) yang menunjukkan Candi Bendang Dalam yang terdapat di Lembah Bujang, Merbok, Kedah Dār al-Amān.

⁶⁰ Lihat lampiran 4.3.1 (d) yang menunjukkan hāṣīl peninggalan Hindu-Buddha seperti tempat mengisi air, alat mengisar tepung dan gelang batu.

⁶¹ Lihat lampiran 4.3.1 (e) yang menunjukkan bentuk *somasutra* yang terdapat di Lembah Bujang, Merbok.

4.3.2 INTERAKSI POLITIK DAN PENTA'BIRAN

Struktur penta'biran di bawah pengaruh Hindu-Buddha mempunyai beberapa peringkat lapisan dengan berdasarkan peringkat masyarakat yang dikenali sebagai *kasta*. Doktrin Hindu-Buddha telah melahirkan konsep *Devaraja*. Oleh itu, raja berkuasa mutlak dalam membuat undang-undang. Bagi melaksanakan sistem undang-undang Hindu, mereka merujuk kitāb undang-undang *Dharmasutra* atau dikenali sebagai *Hukum Qānūn Manu*.

Di samping itu, raja juga merupakan seorang ketua kerajaan. Rakyat diperintahkan berpegang kepada konsep bahawa raja adalah tuhan di bumi. Hal ini dapat dilihat dalam sistem pemerintahan kerajaan Srivijaya. Dalam sistem penta'biran Melaka juga pengaruh Hindu jelas sekali. Jawatan-jawatan dan gelaran pembesar seperti Bendahara, Penghulu Bendahari, Laksamana, Sri Dewi Raja dan Sri Bija Diraja jelas menunjukkan hal ini (Muhammad Yusoff Hashim dan Abd. Rahman Kaeh, 1994, Op cit: 82). Kemunculan kerajaan awal yang dipengaruhi Hindu-Buddha seperti Funan, Majapahit, Srivijaya, Langkasuka, Jambi dan sebagainya jelas memperlihatkan pengaruh Hindu-Buddha.

Kedatangan Islām membawa pengaruh baru dalam politik dan pentadbiran di 'Ālam Melayu, di mana wujudnya kerajaan-kerajaan Islām yang berpengaruh kuat seperti Aceh, Melaka, Brunei, Jawa, Patani dan sebagainya. Contohnya, kerajaan Melaka mengamalkan undang-undang Islām seperti yang termaktub dalam *Hukum Qānūn Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*. Brunei dan Aceh juga turut mempunyai undang-undang Islām. Walau bagaimanapun, unsur-unsur pengaruh Hindu masih di

'amalkan sehingga sekarang. Misalnya, sistem raja-raja Melayu masih lagi dipengaruhi oleh unsur-unsur Hindu yang mana raja mempunyai kuasa mutlak bagi setiap negeri.

Kedatangan Islām menambahkan lagi kuasa mutlak raja-raja Melayu iaitu mereka berkuasa penuh dalam hāl ehwal agama Islām pula. Namun begitu, sistem *feudal* Melayu Hindu yang mengamalkan konsep *devaraja* telah mengalami satu transformasi makna atau perubahan konseptual apabila istilah raja telah ditukar kepada sultān, khalifah dan imām yang disesuaikan dengan istilah politik Islām (Siddiq Fadil, 1992, Op cit: 105).

4.3.3 INTERAKSI BAHASA DAN KESUSASTERAAN

Kedatangan Islām juga telah membawa perkembangan pesat pertumbuhan bahasa Melayu sehingga ia menjadi *lingua franca*. Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa utama di Kepulauan Melayu dan sesuai dijadikan bahasa untuk menyebarkan agama Islām (S.M.N al-Attas, 1999, Op cit: 36-37). Bahkan bahasa Melayu mencapai taraf sebagai bahasa perhubungan antarabangsa. Dengan kata lain, agama Islāmlah yang telah mengangkat dan memantapkan bahasa Melayu ke taraf *lingua franca* dan juga bahasa kebudayaan dan ke'ilmuan yang tinggi (Prof. Hashim Hj. Musa, 1994: 7).

Walaupun bahasa Melayu pernah menjadi bahasa tamadun kerajaan Hindu-Buddha Srivijaya pada masa dahulu, tetapi bahasa Melayu pada ketika itu tidak mencapai taraf bahasa 'ilmu, bahasa persuratan dan bahasa antarabangsa yang berpengaruh. Ini kerana tamadun Hindu-Buddha di Kepulauan Melayu lebih dikaitkan dengan bahasa Jawa sebagai bahasa pengucapan dan perakamannya. Hanya kedatangan Islām bahasa Melayu

dapat memecahkan dominasi ini (*Ibid*). Banyak *iṣṭilāh-iṣṭilāh* bahasa ‘Arab dimasukkan ke dalam bahasa Melayu sehingga dapat mengukuhkan lagi kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Sehubungan dengan itu, bahasa Melayu juga menjadi bahasa pengantar utama bagi masyarakat di ‘Ālam Melayu.

Di samping itu, bahasa Sanskrit pula menjadi bahasa para sarjana atau bahasa ‘ilmu pengetahuan. Penggunaan bahasa ini dalam pelbagai bidang seperti agama, kemasyarakatan, bahasa dan pemerintahan tempatan amat meluas⁶². Bahasa Sanskrit juga banyak digunakan pada batu-batu bersurat. Banyak perkataan dalam bahasa Sanskrit turut digunakan dalam bahasa Melayu seperti dosa, duka, dewa, pahala, rupa dan sengsara. Bahasa ini cukup memainkan peranan penting sejak awal abad pertama masih lagi. Ini dapat dibuktikan dengan penemuan prasasti-prasasti seperti *Talang Tuwo*⁶³ dan *Kedukan Bukit*⁶⁴. Kandungan inskripsi pada batu-batu bersurat ini membuktikan dengan jelas penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.

⁶² Lihat Lampiran 4.3.3 (a) yang menyenaraikan bahasa Sanskrit yang digunakan dalam bahasa Melayu.

⁶³ Batu bersurat ini bertarikh 606 Tahun Saka, bersamaan dengan 684 M. Batu ini ditemui oleh Residen Westenenk, 17 November 1920 di sebuah kawasan bernama Talang Tuwo, di sebelah Barat Daya Bukit Si Guntang, iaitu lebih kurang 8 km dari Palembang (<http://www.lib.usm.my/press/dah/bab2.html>).

⁶⁴ Batu Bersurat ini bertarikh 605 Tahun Saka, bersamaan dengan 683 M. Tulisan yang terdapat pada batu bersurat ini menggunakan huruf Palava (*Ibid*).

Penerimaan dua buah epik yang terkenal iaitu *Ramayana*⁶⁵ dan *Mahabharata*⁶⁶ banyak mempengaruhi kesusasteraan Melayu Nusantara dan berjaya diadaptasikan kepada Hindu-Melayu seperti yang terdapat dalam prosa dan puisi (*kekawin*) yang dikenali sebagai *Hikāyat Seri Rama*, *Rama Kling* dan *Sera Kanda* (R.O. Winstedt, 1977: 34-35). Bahkan kedua-dua epik ini bukan sahaja merupakan *hikāyat* bagi mereka, malahan ia turut disifatkan sebagai kitāb agama mereka. Pengaruh Hindu turut berkembang dalam kesusasteraan Jawa kuno seperti *Nagarakertagama*, *Sutasoma*, *Arjunawiwaha* dan *Kunjarakarna*.

Memang tidak dapat disangkal lagi, terdapatnya kesan-kesan daripada pengaruh hasil-hasil kesusasteraan Hindu-Buddha seperti Mahabharata, Bhagavad Gita dan sebagainya di dalam bahasa Melayu. Namun begitu, S.M.N al-Attas telah membuktikan bahawa tidak seorangpun daripada penduduk 'Ālam Melayu berjaya muncul sebagai seorang ahli fikir yang terkenal kesan daripada pengaruh kesusasteraan agama Hindu tersebut.

⁶⁵ *Ramayana* mengandungi 24,000 seloka sahaja, tiap-tiap seloka mengandungi 32 suku kata. Kitāb ini telah dikarang selama 400 tahun iaitu dua ratus tahun sebelum Masīh dan dua ratus tahun selepas Masīh. Kitāb ini terkenal di Jawa semenjak tahun 925 Masehi iaitu sesudah kitāb ini disalin ke bahasa Jawa oleh pujangga Yogiswira. *Ramayana* dalam bahasa Melayu pula terkenal dengan nama *Hikāyat Seri Rama* dalam dua bentuk naskhah iaitu yang dicetak oleh Rooda Van Esinga pada tahun 1843 dan sebuah lagi dicetak oleh doktor Shellabear dari naskhah asal yang dimiliki oleh Archbishop Loud. Naskhah ini semenjak tahun Masīh 1633 disimpan di Bodleian Library di Oxford, England.

⁶⁶ Sementara *Mahabharata* mengandungi 100,000 seloka yang terbahagi kepada 18 parwa (buku). Bahagian yang menarik ialah buku yang keenam yang mengandungi Bhagavadgita (madah tuhan) sehingga bahagian ini diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa Eropah seperti Inggeris, Perancis, Jerman dan Belanda. Kitāb ini dikarang selama kira-kira 800 tahun iaitu empat ratus tahun sebelum Masīh dan empat ratus tahun selepas Masīh. Dengan ini, jelaslah bahawa Vyasa bukanlah pengarangnya yang sebenar. Dia hanya bertindak sebagai pengumpul atau penyusun sahaja (Lihat Zulkifli bin Mohd. Salleh, 1968: 39-51).

4.3.4 INTERAKSI ANTARA BUDAYA

4.3.4 (a) DARI SEGI PAKAIAN

Seperti mana kita tahu Hindu memakai pakaian sari dan sebagainya. Dalam hal ini, masyarakat Melayu tidak meniru pakaian mereka memandangkan pakaian masyarakat Melayu lebih sesuai dengan orang Melayu, tetapi pakaian diraja dan ‘*ādat isti*’ adatnya banyak dipengaruhi agama Hindu. Contohnya warna kuning hanya di peruntukkan kepada kerabat diraja sahaja. Ini kerana lambang kesucian agama dan biasa dipakai oleh sami Hindu dan Buddha sahaja (Muhammad Yusoff Hashim, Abd. Rahman Kaeh, 1994, Op cit: 82).

Sementara kedatangan Islām telah menggalakkan umatnya berpakaian menutup ‘*aūrat*’ tidak kira warna, rupa dan bangsa. Mengikut Sunnah Rasūl Allāh warna putih dan hijau adalah sunat bagi orang Islām yang memakainya. Sementara itu, bagi setiap bangsa sama ada Hindu-Buddha, Islām dan sebagainya mempunyai pakaian tradisional dan kebangsaan masing-masing. Bagi penganut agama Hindu memakai *sari*, manakala Buddha ialah *ceongsam* dan Islām ialah *baju kurung* bagi perempuan manakala lelaki *baju Melayu*. Bagi agama Islām tidak melarang umatnya untuk berpakaian apa sekalipun asalkan ianya menutup ‘*aūrat*’.

4.3.4 (b) MAKANAN

Masyarakat Melayu Islām telah mengalami banyak perubahan dalam soal pemakanan. Sejak dahulu hingga sekarang masih ramai masyarakat Melayu terutamanya golongan

yang tua suka memakan sireh sebagai makanan harian ketika rakan taulan datang bertandang ke rumah, mereka akan dihidangkan sireh sebagai makanan sambilan sambil berborak-borak. Situasi ini masih wujud di kampung-kampung. Meskipun kini bilangan masyarakat Melayu yang gemar memakan sireh semakin berkurang, namun sireh tetap menjadi satu bahan ‘ādat yang penting dalam masyarakat Melayu terutama dalam majlis ‘ādat seperti perkahwinan, pertunangan dan juga dalam perubatan tradisional orang Melayu (Asmad, 1990, Op cit: 66-67).

Pengaruh Hindu-Buddha dalam budaya pemakanan juga cukup memberangsangkan. Antaranya makanan *meehun*, *spagety* dan sebagainya adalah berasal daripada makanan masyarakat Cina manakala makanan masyarakat Hindu seperti kari, capati, roti canai dan sebagainya telah menjadi makanan kegemaran masyarakat Melayu Islām sehingga kini. Bahkan makanan tersebut menjadi cukup terkenal di kalangan masyarakat Melayu Islām.

Masyarakat Melayu juga mudah menerima makanan-makanan lain seperti *tosei*, *koteuw*, *tauhu*, ‘steam-boat’ dan lain-lain lagi (Mohd. Taib Osman, 1988: 116). Di samping itu, kari juga menjadi makanan kegemaran masyarakat Melayu. Ia di‘amalkan oleh masyarakat Melayu Islām hingga ke hari ini memandangkan makanan-makanan ini tidak bertentangan dengan ajaran Islām yang sebenar.

4.3.4 (c) PERKAHWINAN

Pengaruh Hindu dalam *Sejarah Melayu*, dapat dilihat secara jelas dalam *häl* yang berhubung ‘ādat istiadat dan upacara-upacara istana. Upacara ini termasuklah

perkahwinan, menyambut kelahiran bayi, pertabalan raja dan sebagainya (Muhammad Yusoff Hashim, Abd. Rahman Kaeh, 1994, Op cit: 82). Dalam upacara perkahwinan masyarakat Melayu dahulu, pengantin perempuan dan lelaki perlulah memakai inai dijari mereka. Di samping itu, mereka juga hendaklah memakai gelang, rantai, cincin, anting-anting dan sebagainya. Setelah selesai diandam, pengantin di arak untuk ke majlis persandingan yang diadakan pada waktu malam atau siang hari. Sehingga kini, sebilangan kecil masyarakat Melayu Islām masih mengamalkan upacara perkahwinan seperti ini.

Setelah kedatangan Islām, masyarakat Melayu Islām mula menerima dan sedar akan haqīqat sebenar yang di'amalkan oleh ajaran Islām, di mana Islām mewajibkan seluruh umat Islām supaya menutup ‘aūrat walau dalam keadaan apa sekalipun sama ada semasa perkahwinan, kematian atau sebagainya. ‘Adat-‘adat perkahwinan yang di'amalkan sebelum ini yang bertentangan dengan Islām sedikit demi sedikit telah dihapuskan, sedangkan ‘adat yang tidak bertentangan dengan Islām masih di'amalkan sehingga sekarang seperti ‘adat berinai, memakai barang kemas seperti gelang, rantai dan sebagainya untuk golongan wanita sahaja.

4.3.4 (d) KESENIAN

Dalam aspek kesenian, terbinanya Candi Borobudur yang berasaskan ajaran agama Buddha dan Angkor Wat berasaskan agama Hindu. Ia juga dijadikan sebagai tempat penyembahan tuhan. Bagi masyarakat Islām, masjid dijadikan lambang keagungan untuk ber‘ibadat kepada Allāh s.w.t seperti sembahyang dan juga untuk menuntut ‘ilmu.

Di samping itu, kedatangan Islām juga membawa perubahan pengaruh Hindu dalam permainan wayang, di mana Islām berjaya mengadaptasi dan mengasimilasi wayang dengan unsur-unsur agama seperti menggunakan kata-kata yang berbentuk *nasīḥat*, pantun keagamaan dan sebagainya. Hal ini jelas wujūd di Jawa apabila Sunan Kalijaga berjaya menjadikan wayang sebagai wadah untuk berda'wah kepada masyarakat Jawa. Sedangkan dahulu permainan wayang banyak mengisahkan cerita-cerita mitos dan dongeng yang telah diadaptasikan kepada cerita *Ramayana* dan *Mahabharata*. Permainan wayang sebenarnya bertujuan untuk upacara pemujaan *hyang* atau nenek moyang tetapi kedatangan agama Hindu upacara tersebut telah bercampur aduk dengan dewa atau pahlawan dalam *Ramayana*, di mana para pelakon juga bertukar kepada epik *Mahabharata*. Walaupun secara fizikalnya berubah namun secara ritual tetap tidak berubah (Abd. Rahman Hj. Abdullah, 1990, Op cit: 22).

Jelas bahawa interaksi antara agama telah membawa suatu perubahan yang cukup besar dalam masyarakat Melayu di 'Ālam Melayu. Rentetan daripada itu, Islām telah membawa satu kesedaran dan bimbingan kepada masyarakat Melayu dalam pelbagai aspek perubahan termasuklah kepercayaan, pemikiran, politik, bahasa, kesusasteraan dan budaya. Namun tidak dapat dinafikan, bahawa pengaruh *animisme*, *dinamisme* dan Hindu-Buddha ke atas masyarakat Melayu Islam masih wujūd sehingga sekarang.